

(13)

Uchapan Y.B.Menteri Pelajaran Enche Hussein Omn
Di-Pembukaan Konveshen Persekutuan Antara Bangsa
Persatuan Guru2 Bebas di-Kuala Lumpur Pada
28 Disember 1970 - 10.00 Pagi.

Uchapan: ADHD

468

27/80

Saya berasa sangat sukachita untok mengalu2kan kedatangan tuan2 semua ka-Malaysia. Negara saya sungguh berbangga kerana menjadi negara tuan rumah untok mengadakan Konvensen Kesatuan tuan2.

Saya di-fahamkan bahawa Konvensen ini ia-lah untok Persekutuan Antarabangsa Persatuan Guru2 Bebas Kawasan Asia Australasia. Empat belas negara mengambil bahagian ia-itu, Australia, Brunei, Ceylon, Hongkong, India, Indonesia, Jepun, Laos, Filipina, Singapura, Vietnam Selatan, Taiwan, Thailand dan Malaysia. Empat buah negara menghantar pemerhati2 ia-itu Belgium, Kanada, United Kingdom dan Amerika Sharikat.

Wakil tuan2 ia-lah Enche Gurnam Singh ia-itu salah sa-orang daripada guru2 kita. Enche Gurnam Singh ia-lah sa-orang daripada beribu2 orang guru di-Malaysia yang memainkan peranan chergas bagi kepentingan pelajaran. Enche Gurnam Singh dan rakan2-nya telah memikul tanggung jawab yang berat untok membuat susunan2 yang perlu bagi Konvensen ini. Saya dan juga Kementerian Pelajaran menguchapkan terima kaseh serta menyanjong tinggi segala usaha yang telah di-lakukan oleh beliau dan rakan2-nya.

Saya di-fahamkan bahawa di-antara perkara2 yang akan di-binchangkan di-Konvensen ini ia-lah:-

- (i) Masaalah2 belia;
- (ii) Universiti Asia Tenggara;
- (iii) Bahasa dan Persamaan Ejaan;
- (iv) Pelajaran Pendudok;
- (v) Hak2 Kesatuan2 Sekerja di-Asia dan Australasia;
- (vi) Pelajaran Sa-Umur Hidup; dan
- (vii) Pelajaran untok satu Masharakat Berbilang Bangsa.

Mereka yang akan berchakap dan mengambil bahagian dalam perbinchangan2 ini semua-nya menarek hati belaka. Mereka termasuk beberapa orang Menteri2 Kabinet Malaysia, Ahli2 Parlimen Malaysia dan Australia, Ahli2 Kesatuan Sekerja, Professor2 Universiti, ahli2 jawatan lain dan pegawai2 Kementerian Pelajaran.

Dengan tajok2 dan peserta2 sa-umpama itu, saya yakin Konvensen ini akan menarek hati, membina dan berfaedah bukan sahaja kapada peserta2 persaorangan tetapi juga kapada negara2 mereka dan lebeh2 lagi kapada Malaysia.

Dari zaman dahulu kala lagi orang2 bijak telah menegaskan betapa penting-nya pelajaran. Telah di-katakan bahawa "di-antara segala harta benda, ilmu pengetahuan-lah yang paling berharga sekali oleh kerana ilmu pengetahuan tidak boleh di-churi, di-berikan atau di-habiskan." Plato berkata

bahawa "Pelajaran ia-lah satu perkara yang paling baik dan indah sekali untok sa-saorang itu."

Kejahilan ia-lah ibu kejahatan. Kehidupan yang jahil sudah tentu merupakan suatu kehidupan yang membosankan. Manusia memerlukan ilmu pengetahuan bukan semata-mata untok mata pencharian tetapi sa-bagai satu chara penghidupan.

Ilmu Pengetahuan ia-lah kuasa. Pengetahuan tentang taligerap letrik menyelamatkan masa; pengetahuan tulisan menyelamatkan pertutoran dan pergerakan manusia; pengetahuan ekonomi rumah tangga menyelamatkan pendapatan; ilmu kesihatan memelihara kesihatan dan hidup, ilmu berkenaan dengan intelek menjaga kententeraman otak; dan ilmu tentang Rohani - semua-nya berfaedah.

Saya mengambil kesempatan ini untok menyentoh beberapa aspek yang berkenaan dengan kanak2 di-negara saya, Malaysia. Perkara ini akan di-dapati juga apabila tuan2 membincangkan salah satu daripada tajok tuan2 ia-itu "Pelajaran Sa-Umur Hidup."

Saya berpendapat bahawa pelajaran ia-lah perkembangan segala fakulti2 kita. Ia-nya bermula di-taman didekan kanak2, kemudian pergi ka-sekolah tetapi tidak habis di-situ sahaja. Ia-nya terus berjalan di-sepanjang hidup sama-ada kita mahu atau tidak. Soalan-nya ia-lah samada apa yang kita pelajari sa-lepas persekolahan sesuai atau tidak. Gibbon berkata "Tiap2 orang mempunyai dua pelajaran, satu apa yang di-terima-nya daripada orang lain dan satu lagi yang lebeh penting ia-lah apa yang di-berikan-nya kapada diri-nya sendiri." Apa yang kita ajar kapada diri kita sendiri merupakan lebeh berguna daripada apa yang kita pelajari daripada orang lain. Sa-siapa pun tidak akan maju dalam ilmu pengetahuan atau unggul dalam apa2 lapangan Sains melalui disiplin dan kawalan sa-saorang guru.

Sa-siapa yang tidak bagitu baik di-sekolah tidak sa-mesti-nya merasa berputus asa. Fikiran yang bijak tidak mesti-nya berkembang dengan chepat-nya. Oleh yang demikian tidak-lah semesti-nya bahawa sa-saorang yang mundor di-Sekolah tidak mendapat faedah langsung.

Di-sebalek-nya pula, ramai budak2 yang berbakat dan cherdek telah gagal dalam kehidupan di-sebabkan oleh kesihatan, industri atau tingkah laku, "umpama pokok yang mempunyai dua kuntum bunga tetapi tidak berbuah"; dan menjadi derebar teksi, pelayan pejabat atau membuat kerja buroh kasar, sedangkan budak2 yang lembam tetapi bersemangat dan mempunyai pegangan2 hidup yang tinggi telah naik ka-atas perlahan2 dan memegang jawatan2 besar yang berfaedah kapada diri mereka sendiri dan negara mereka.

Malaysia ia-lah sa-buah negara membangun. Ia-nya ia-lah sa-buah negara muda yang telah menchapai kemerdekaan hanya 14 tahun dahulu. Negara Malaysia terdiri daripada pelbagai bangsa dan keturunan, ugama yang berlainan dan pelbagai kebudayaan yang turun temurun. Dari keragaman ini-lah kita beroleh kekuatan. Keadaan ini mengajar kita bersabar dan bersifat adil; menyebabkan jenerasi kita sentiasa berwaspada dan beringat2 betapa perlu-nya berusaha dan bekerja bersungguh2 untok menchapai perpaduan dan muhibbah.

Dasar utama Malaysia ia-lah hidup dalam aman, bukan sahaja dalam negara ini bahkan juga dengan semua negara2 lain. Ia tidak suka di-ganggu dalam menjalankan pembangunan politik, ekonomi, sosial, kebudayaan-nya. Kita menumpukan penoh perhatian kepada pembangunan negara kita untuk membasmi kemiskinan dan kejahilan dan untuk meninggikan taraf hidup raayat kita. Pelajaran akan memainkan peranan utama dan penting dalam semua perkara ini.

Oleh itu kita sedang berusaha dengan segala upaya dan membelanjakan sa-berapa banyak wang yang boleh untuk pelajaran. Kita telah berusaha, kita sedang berusaha dan kita akan terus berusaha untuk mengadakan lebeh banyak dan lebeh baik lagi sekolah2, maktab2 dan universiti2 bagi kanak2 kita.

Semasa tuan2 berada di-sini, tuan2 akan berpeluang bertemu dan berkenalar2 dengan orang2 kita dan chara kehidupan orang2 Malaysia. Mungkin ada di-antara kamu yang pernah datang ka-sini. Tuan2 akan dapati bahawa orang2 Malaysia ada-lah baik2 belaka dan suka menerima tetamu. Saya harap tuan2 semua akan bergembira tinggal di-sini.

Akhir sekali saya menguchapkan semoga Konvensen kamu beroleh segala kejayaan. Oleh yang demikian dengan sa-berapa sukachita-nya saya resmikan pembukaan Konvensen ini.





No Siri 9
No Penerimaan 9/80